

Selangor pertahanan hutan simpan

UM 1 1 FEB 2003

RAWANG 10 Feb. — Kerajaan negeri Selangor akan tetap mempertahankan kawasan hutan simpan di negeri itu walaupun permintaan terhadap kawasan perumahan baru semakin meningkat.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo memberitahu, ketegasan kerajaan negeri itu terbukti apabila berjaya mengekalkan kira-kira 45 peratus kawasan hutan di seluruh Selangor.

Menurutnya, bagi memastikan hutan terus terpelihara, kerajaan negeri juga mewajibkan kajian kesan penilaian alam sekitar (EIA) dilaksanakan pada setiap pembangunan berhampiran kawasan hutan.

"Kita perlu buat rumah tetapi dalam masa yang sama kita juga perlu menjaga hutan," katanya selepas majlis penyampaian surat hak milik tanah dan kunci kepada penerima bantuan rumah dalam program Kerajaan Prihatin di sini baru-baru ini.

Mohamad Khir berkata, sejajar dengan hasrat kerajaan negeri untuk menghapuskan sepenuhnya setinggan di negeri itu menjelang tahun 2005, banyak kawasan perumahan baru perlu dibuka.

Katanya, jika kawasan penempatan baru tidak dibuka, kerajaan bimbang orang yang tidak bertanggungjawab akan meneroka hutan secara haram dan membuka penempatan sendiri.

Beliau juga memberi jaminan bahawa kawasan hutan simpan seperti Templer Park akan tetap dikekalkan walaupun kawasan di sekelilingnya telah pesat membangun.

Baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mencadangkan supaya undang-undang yang lebih ketat dan hukuman penjara diperkenalkan bagi menghalang mana-mana pihak daripada meneroka hutan dan kawasan tanah tinggi.

Dr. Mahathir juga menasihati kerajaan negeri supaya lebih berhati-hati dalam pembangunan di kawasan berkenaan demi menjaga ekosistem sedia ada.